



www.punb.com.my



PROSPER

IMPACT
(e-PEROLEHAN)

Lembaran Pernyataan

Sila baca Lembaran Pernyataan PROSPER IMPACT (e-PEROLEHAN) sebelum anda ingin MEMOHON

1. APA ITU PROSPER IMPACT (e-PEROLEHAN)?

Pakej pembiayaan patuh syariah bagi membiayai modal pusingan untuk kontrak yang diterima daripada pihak Kerajaan Persekutuan melalui sistem e-Perolehan.

2. SIAPA LAYAK MEMOHON?

- Terbuka kepada Usahawan Bumiputera yang menjalankan perniagaan sebagai:
 - Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT), atau Syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.)
 - Aktiviti perniagaan mestilah patuh Syariah dan berdaftar dengan SSM atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (bagi Sabah & Sarawak)
 - Had Pembiayaan & Syarat Pemilikan:

Jenis Entiti	Had Pembiayaan	Keperluan Bumiputera
Pemilik Tunggal / Perkongsian	Sehingga RM1 juta	Pemilikan 100% Bumiputera
PLT / Sdn. Bhd.	Sehingga RM1 juta	Pemilikan 100% Bumiputera
	Sehingga RM5 juta	Sekurang-kurangnya 70% milikan saham & pengurusan oleh Bumiputera



3. APAKAH KONSEP SYARIAH YANG DIGUNAPAKAI?

Konsep Syariah yang digunakan ialah Tawarruq. Di bawah konsep ini, PUNB akan membeli komoditi (seperti minyak sawit mentah) atas nama PUNB, kemudian menjualnya kepada pelanggan pada harga jualan yang dipersetujui (kos ditambah keuntungan), yang perlu dibayar kepada PUNB secara bayaran tertangguh.

Selepas urusan niaga tersebut selesai, pemilikan komoditi beralih kepada pelanggan. Pelanggan kemudiannya akan melantik PUNB sebagai ejen untuk menjual komoditi tersebut kepada pembeli pihak ketiga (contohnya melalui Bursa Suq Al-Sila) bagi mendapatkan tunai.

4. APA YANG SAYA PEROLEH DARIPADA PRODUK INI?

 Jumlah Pembiayaan	Dari RM100,000 hingga RM5 juta (tertakluk kepada nilai kontrak)
 Tempoh Pembiayaan	Sehingga 5 tahun (tertakluk kepada tempoh kontrak dan tahap kelayakan kredit)
 Kadar Keuntungan	Sehingga 6.5% setahun berdasarkan kadar asas baki harian
 Skop Pembiayaan	Sehingga 90% daripada nilai kontrak / kerja (Surat Setuju Terima - SST)

5. APAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU SAYA BAYAR?

Kategori	Jenis Yuran	Kadar / Amaun	Catatan
Yuran Pendahuluan	Yuran Pemprosesan	RM350 – RM1,000	Berdasarkan jumlah pembiayaan
Yuran Pendahuluan	Yuran Dokumentasi	RM100 – RM350 (setiap dokumen)	Bergantung kepada jenis dan/atau bilangan dokumen
Yuran Pendahuluan	Yuran Pentadbiran	RM1,000 setiap permohonan	Caj sekali sahaja
Caj Utilisasi	Yuran Perkhidmatan	1.0% tetap bagi setiap pengeluaran	Dikenakan setiap kali pembiayaan dikeluarkan
Undang-undang & Statutori	Duti Setem	Seperti dalam Akta Setem 1949	Rujuk www.hasil.gov.my

Nota: Caj lain yang berkaitan mungkin dikenakan dan akan dimaklumkan terlebih dahulu, jika berkenaan.

6. ADAKAH SAYA PERLU MENYEDIAKAN SEKURITI ATAU CAGARAN?

Sekuriti yang diperlukan termasuk:

- Jaminan Peribadi Bersama & Berasingan oleh pengarah, pemegang saham dan/atau rakan kongsi (untuk PLT)
- Serahhak hasil kontrak melalui Surat Ikatan Serah Hak

Nota: Sekuriti tambahan mungkin diperlukan berdasarkan penilaian risiko PUNB.

7. BAGAIMANA PEMBAYARAN PEMBIAYAAN BOLEH DIBUAT?

Semua bayaran bulanan hendaklah dibuat terus ke akaun bank yang ditetapkan oleh PUNB seperti yang dinyatakan dalam perjanjian pembiayaan. Sila pastikan bukti pembayaran disimpan untuk rekod.



8. APA DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK MEMOHON PEMBIAYAAN?

- Borang Perlindungan Data Peribadi (PDP) – *boleh dimuat turun daripada sistem*
- Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (SSM) atau lesen perniagaan sah (untuk Sabah dan Sarawak)
- Salinan Surat Setuju Terima (SST)

Dokumen tambahan bagi Pemohon Baharu:

- Bagi syarikat sdn bhd - Penyata kewangan beraudit (bagi dua (2) tahun kewangan terkini sebelum tahun permohonan); dan
- Akaun pengurusan terkini (2 bulan sebelum tarikh permohonan)
- Penyata bank 6 bulan terkini
- Salinan kad pengenalan & gambar bersaiz pasport (pemohon & rakan kongsi)

9. BAGAIMANA CARA MEMOHON PEMBIAYAAN?

- i. Layari <https://entreportal.punb.com.my/login>
- ii. Daftar akaun atau log masuk
- iii. Lengkapkan permohonan dan muat naik dokumen yang diperlukan
- iv. PUNB akan menilai perniagaan dan keperluan pembiayaan anda
- v. Pemohon yang berjaya akan menerima pemberitahuan rasmi daripada PUNB.

10. APAKAH YANG TERJADI JIKA SAYA GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB SAYA?

- Jika anda gagal membayar seperti kaedah pembayaran yang ditetapkan, caj lambat bayar (Ta'widh) mungkin dikenakan

Nota: Kaedah pembayaran mungkin berbeza bergantung kepada terma kontrak (contoh: bayaran keuntungan bulanan, bayaran sekali gus, dsb). Sekiranya anda menghadapi sebarang kesukaran untuk memenuhi obligasi anda, sila hubungi PUNB secepat mungkin untuk membincangkan langkah seterusnya.

- Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal memberi maklum balas kepada notis peringatan. PUNB berhak menguatkuasakan sekuriti/cagaran yang telah diberikan. Anda bertanggungjawab untuk menanggung semua kos berkaitan dan menyelesaikan sebarang baki tertunggak selepas sekuriti/cagaran tersebut direalisasikan atau dilupuskan.



11. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN PERLINDUNGAN TAKAFUL?

Tidak perlu.

12. APA PERLU SAYA LAKUKAN JIKA BERLAKU PERUBAHAN BUTIRAN DIRI SAYA?

Adalah penting untuk anda memaklumkan PUNB sekiranya terdapat perubahan butiran diri anda supaya segala urusan dapat disampaikan tepat pada masanya. Untuk mengemas kini maklumat, anda boleh menghubungi Pegawai Pemantau anda atau mengunjungi Pejabat Wilayah/Cawangan kami.

Untuk pertanyaan lanjut mengenai PROSPER Impact (e-Perolehan):

- Emel: customerservice@punb.com.my
- Pusat Khidmat Pelanggan: 1300 13 7862
- Portal PUNB: www.punb.com.my



PENAFIAN

PENAFIAN:

Maklumat, terma dan syarat dalam helaian pendedahan produk ini adalah bersifat indikatif dan tidak membentuk sebarang komitmen yang mengikat PUNB. Terma dan syarat muktamad akan dinyatakan dalam surat tawaran, tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan akhir oleh PUNB.